

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

1. Jelaskan statistik kes buli yang direkodkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.
 - (a) Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani peningkatan kes buli?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Data statistik kes buli di Pulau Pinang oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dari tahun 2020 hingga Oktober 2025 adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Bilangan Murid Kes Buli
2020	Tiada Rekod. Pelaksanaan PdPR semasa pandemik COVID-19
2021	55
2022	67
2023	289
2024	709
2025	313

Secara keseluruhan, kes buli di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan ketara antara tahun 2021 hingga 2024, sebelum mencatatkan penurunan pada tahun 2025.

Ketiadaan rekod pada tahun 2020 adalah disebabkan pelaksanaan PdPR (Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah) sepanjang tempoh pandemik COVID-19, yang menyebabkan interaksi fizikal antara pelajar sangat terhad. Peningkatan mula dikesan pada tahun 2021 dan 2022 apabila sekolah kembali beroperasi secara fizikal dan aktiviti sosial pelajar meningkat.

Lonjakan tertinggi direkodkan pada tahun 2024 dengan 709 kes, yang dikaitkan dengan beberapa faktor utama seperti peningkatan kesedaran pelajar terhadap isu buli, sistem pelaporan yang lebih mudah diakses melalui platform digital seperti e-Aduan Disiplin, serta tindakan tegas oleh pihak sekolah dalam merekod dan melaporkan setiap insiden buli.

Namun demikian, penurunan bilangan kes pada tahun 2025 (sehingga Oktober) menunjukkan bahawa langkah-langkah pencegahan dan intervensi yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui JPNPP mula menunjukkan keberkesanan, hasil pelaksanaan pelbagai program kesedaran, pendidikan emosi, serta pengukuhan peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

(a) JPNPP selaras dengan dasar dan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai langkah strategik untuk membendung dan menangani kes buli. Antara langkah yang diambil ialah:

(i) Pemantauan dan Audit Asrama "Terjah Asrama"

Pemantauan dan Audit Asrama dilaksanakan secara aktif melalui Program "Terjah Asrama" di semua sekolah berasrama di Pulau Pinang, dijalankan bersama oleh JPNPP dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Program ini melibatkan pemeriksaan mengejut (spot check) untuk menilai tahap keselamatan, kebajikan, disiplin dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan asrama. Langkah proaktif ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti warden serta mendidik murid tentang kepentingan membudayakan asrama selamat dan beradab.

(ii) Penambahbaikan Saluran Aduan

Bagi memastikan ketelusan dan akses mudah kepada pelaporan, pelbagai saluran aduan buli telah ditambah baik. Saluran pelaporan yang disediakan termasuklah SISPAK KPM (melalui pautan <https://moe.spab.gov.my/>), Hotline KPM (03-8884 9325), WhatsApp AduBuli (014-800 9325), emel (adubuli@moe.gov.my) dan peti aduan sedia ada di setiap institusi pendidikan. Semua aduan yang diterima akan dipantau rapi oleh pegawai dari KPM, JPNPP, dan PPD bagi mengelakkan sebarang penyembunyian atau manipulasi laporan yang diterima.

(iii) Kolaborasi dengan Agensi Penguatkuasa

JPNPP bertindak melaporkan setiap kes buli yang mempunyai elemen jenayah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan siasatan yang profesional dan bebas dapat dijalankan. Pihak Sekolah dan JPNPP bekerjasama rapat dengan PDRM serta agensi-agensi lain yang berkaitan sepanjang proses siasatan, kaunseling dan intervensi.

(iv) Program Intervensi Sahsiah dan Pendidikan Pencegahan

Program ini merangkumi pelaksanaan Program Sahsiah Terpuji, penggunaan modul sahsiah, dan kempen "Kami Benci Buli" di bawah Unit Hal Ehwal Murid (HEM) di sekolah bertujuan untuk memupuk nilai empati, hormat dan disiplin dalam kalangan murid. Selain itu, kaunselor sekolah turut terlibat secara aktif melalui sesi bimbingan, intervensi kumpulan dan kempen kesedaran.

(v) Latihan dan Pemerksaan Warden Asrama

Dalam memastikan pengurusan asrama yang cekap, nisbah dan standard warden ditetapkan mengikut kadar KPM. Semua warden yang terdiri daripada guru diwajibkan untuk menghadiri kursus dan taklimat berkala yang berkaitan dengan pengurusan asrama, tatacara

siasatan kes buli, dan tanggungjawab pemantauan.

(vi) Pemasangan dan Penggunaan Kamera Litar Tertutup (CCTV)

Sebagai langkah pencegahan tambahan dan untuk memantau keselamatan penghuni, pihak KPM telah memperluas pemasangan dan penggunaan CCTV di sekolah berasrama di Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) juga telah melaksanakan kempen *Penang Goes Orange (PGO)* pada tahun 2023 bertemakan *Kindness4wellness: Stop Bullying* yang memberi tumpuan kepada usaha untuk menghentikan buli di sekolah. Kempen ini berjaya menarik penyertaan seramai 3,000 orang peserta sebagai tanda solidariti menentang buli. Penganjuran kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap isu buli secara fizikal mahupun di alam siber serta memupuk persekitaran yang selamat, dan harmoni dalam kalangan masyarakat di Negeri Pulau Pinang. PWDC juga telah bekerjasama dengan PDRM dan JPNPP untuk memberi taklimat kesedaran berkaitan isu buli kepada murid-murid sekolah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

2. Nyatakan unit-unit kedai di Komtar yang dimiliki oleh PDC dan perincian unit mana yang disewa dan unit masih kosong.
 - (a) Apakah langkah yang diambil oleh PDC untuk sewakan semua unit yang kosong?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Sehingga Oktober 2025, terdapat sebanyak 204 unit milikan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Komtar dan sebanyak 125 unit telah disewakan, manakala sebanyak 79 unit masih kosong.
 - (a) Berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil oleh PDC bagi mempromosikan unit yang kosong:
 - (i) Menganjurkan program-program promosi seperti Hari Bersama Pelanggan 1.0 pada 17 Januari 2024, Ekspo Hartanah pada 20 Jun 2025, Hari Bersama Pelanggan pada 18 September 2025 dan Karnival Usahawan SPH dan Hari Terbuka PDC pada 4 Oktober 2025;
 - (ii) Bekerjasama dan berkolaborasi dengan agensi dan pihak luar. Pihak PDC turut serta di dalam Program Madani Zon Utara pada 3 hingga 5 Mei 2024, Hari Bersama KADUN Jawi pada 9 Jun 2024, Ekspo Rumah Mampu Milik dan Hartanah pada 20 hingga 21 Julai 2024, Program Penang2030 pada 21 dan 22

September 2024 dan Pesta Pulau Pinang 2024 dan 2025. Selain itu, pihak PDC juga turut menyertai Program Larian MAPPA XX -Zon Wilayah Utara-Anjuran Institut Tadbiran Awam Negara Cawangan Utara (INTURA) pada 28 Jun 2025 dan *The Powergrid, Entrepreneurs, Property & Financial Intelligence-Anjuran Global Synergy Consult* pada 22 Ogos 2025;

- (iii) Hebahan melalui media sosial rasmi PDC iaitu Facebook dan laman sesawang, papan LED di premis PDC dan Komtar, portal Mudah.my dan Buletin Mutiara;
- (iv) Menambah daya tarikan premis di Komtar melalui inisiatif pembersihan PDC. Pada tahun 2024, PDC telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan melibatkan sebanyak 15 unit di Aras 1, 2 dan 3 bangunan Komtar. Inisiatif ini dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menarik lebih ramai penyewa. Jumlah kos yang terlibat bagi pelaksanaan kerja-kerja pembersihan tersebut adalah sebanyak RM3,900.00; dan
- (v) Hebahan kepada agen hartanah dan usahawan di Pulau Pinang setiap suku tahun berhubung status terkini jumlah unit kosong di Komtar.

Sebagai makluman, harga sewaan bagi setiap unit adalah berdasarkan nilai semasa yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Walau bagaimanapun, penentuan harga sewaan juga tertakluk kepada pertimbangan mengikut kes berdasarkan justifikasi tertentu yang diberikan. PDC juga bersedia untuk menimbang dan memberikan diskaun sewaan yang bersesuaian.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

3. Apakah status projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)?
 - (a) Apakah status pemasangan sistem bagi penggunaan kod respons pantas (QR) di LTAPP?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Status semasa projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa mengikut pakej kerja adalah seperti berikut:
 - (i) Pakej Kerja 01 iaitu pembinaan bangunan sokongan dengan progres terkini sebanyak 78%;
 - (ii) Pakej Kerja 02 iaitu kerja-kerja pelebaran apron parkir pesawat dan *taxiway* dengan progress terkini adalah sebanyak 30%; dan
 - (iii) Pakej Kerja 03 merangkumi pembesaran terminal utama dan infrastruktur dalaman di mana pakej kerja ini masih dalam fasa rekabentuk (Design Stage).

Pada masa ini, LTAPP beroperasi dengan kapasiti 6.5 juta penumpang setahun (million passenger per annum - mppa). Melalui projek pembesaran ini, kapasiti LTAPP akan ditingkatkan kepada 12 juta mppa bagi menampung pertumbuhan trafik penumpang masa hadapan.

- (a) Pelaksanaan projek pemasangan sistem bagi penggunaan kod respons pantas (QR) ini akan dilaksanakan dalam dua (2) fasa di kawasan Pelepasan dan Ketibaan antarabangsa seperti berikut:
- (i) Fasa Pertama melibatkan penggantian kaunter *Autogate* sedia ada dengan kaunter baharu, dengan mengekalkan jumlah enam (6) unit *Autogate* di setiap kawasan (pelepasan dan ketibaan). Fasa ini dijangka siap pada penghujung Disember 2025; dan
 - (ii) Fasa Kedua pula dijadualkan bermula pada Suku Pertama 2026, yang akan memperluaskan penggunaan sistem baharu ini bagi menampung pertumbuhan penumpang antarabangsa secara lebih efisien.

Selain itu, pihak MAHB telah bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dengan melaksanakan Projek National Integrated Immigration System (NiiSE) yang melibatkan naik taraf sistem *Autogate* sedia ada kepada sistem baharu yang boleh digunakan oleh warganegara dari 63 buah negara, termasuk tambahan tujuh (7) negara ASEAN dan warganegara Malaysia. Projek NiiSE ini akan mengurangkan kesesakan di kawasan terminal antarabangsa kelak di mana para penumpang yang tiba termasuk bukan warganegara dapat menggunakan *Autogate* bagi mempercepatkan proses dokumentasi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

4. Sejauh manakah Kerajaan Negeri mengambil inisiatif bagi menyokong pertubuhan belia yang bakal menyaksikan transisi umur dari 35 tahun ke 30 tahun menjelang tahun 2026?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah mewujudkan satu inisiatif iaitu Dana Pembangunan Belia yang merupakan sebuah inisiatif bagi membantu pertubuhan-pertubuhan belia di negeri ini sejak tahun 2024. Antara syarat utama bagi permohonan dana ini adalah program yang dianjurkan oleh pertubuhan belia yang memohon perlu berobjektifkan aspek peningkatan kapasiti seperti kemahiran, kebolehpasaran, kesukarelawanan, berpersatuan, kepimpinan, atau program pengiktirafan dan penganugerahan bagi memupuk pelapis kepimpinan pertubuhan.

Bagi tahun 2025, sebanyak RM99,800.00 telah diluluskan kepada sejumlah 47 pertubuhan belia bagi melaksanakan sebanyak 59 program dan telah memanfaatkan seramai 10,809 orang belia.

Berkenaan dengan penurunan had umur belia ke 30 tahun, berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), seramai 3,083 daripada 5,929 orang pemegang jawatan dalam pertubuhan belia di Pulau Pinang adalah berumur bawah 30 tahun. Ini bermakna 52% daripada pemegang jawatan adalah benar-benar dalam kalangan belia

mengikut ketetapan baharu. Angka ini bukan sahaja menunjukkan pematuhan terhadap syarat penubuhan pertubuhan belia, malah membuktikan bahawa pertubuhan-pertubuhan ini sememangnya digerakkan dan diterajui oleh golongan muda yang aktif dan progresif.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

5. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal penularan serta peningkatan kes jangkitan influenza yang berlaku sejak belakangan ini?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Jangkitan Influenza merupakan penyakit yang tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] melainkan berlakunya wabak Influenza. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) senantiasanya memantau jangkitan Influenza melalui surveilan di klinik sentinel seluruh negeri Pulau Pinang.

Sebagai usaha membendung jangkitan Influenza, JKNPP melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan sesi "*Townhall Meeting*" bersama institusi-institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk Influenza, melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;
- (b) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama;

- (c) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;
- (d) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar anak ke sekolah; dan
- (e) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan **Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* Di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarih 30 Jun 2022**, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarih 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di Institusi Pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

Bagi penularan influenza di pasar raya seluruh Negeri Pulau Pinang, Cawangan Promosi Kesihatan JKNPP telah menjalankan hebahan tentang jangkitan influenza di pusat membeli-belah, pasar, kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang jangkitan influenza dan cara-cara mencegah mendapat jangkitan. Hebahan melalui media sosial juga dilakukan melalui Jabatan Penerangan Pulau Pinang.

Selain daripada itu, program imunisasi pemberian vaksin Influenza percuma kepada warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit kronik telah dilancarkan pada awal tahun ini dan dilaksanakan di 24 klinik kesihatan di seluruh

negeri Pulau Pinang. Usaha ini adalah untuk mengelakkan komplikasi bagi melindungi golongan berisiko tinggi antaranya pesakit diabetes, jantung, hipertensi, obesiti (BMI melebihi 30) dan buah pinggang kronik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

6. Nyatakan statistik penggunaan Rapid On Demand (ROD) bagi setiap zon.
- (a) Apakah masalah yang dihadapi setakat ini?
 - (b) Perincikan jenis aduan yang diterima dan penyelesaian bagi aduan tersebut.
 - (c) Adakah bilangan van akan ditambah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Berdasarkan data semasa, purata penggunaan harian Rapid On Demand (ROD) adalah seperti jadual di bawah:

No	Zon	Purata Penumpang Harian
1	T110B Gurney	376
2	T111B Georgetown	452
3	T210B Farlim	325
4	T311B Jelutong	197
5	T312B Bayan Lepas	122
6	T313B Bayan Baru	199
7	T410B Balik Pulau	189
8	T611B Bertam	105
9	T710B Sunway	377

No	Zon	Purata Penumpang Harian
10	T711B BM City	166
11	T712B Alma	147
12	T810B Batu Kawan	141
13	T811B Nibong Tebal	94

Nota: Bermula 27 Sep 2025, zon T712B digabungkan dengan T711B dan zon T312B digabungkan dengan T313B.

- (a) Antara cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaan perkhidmatan ROD ialah gangguan operasi disebabkan kerosakan teknikal yang menjejaskan keupayaan operasi harian pada tahap optimum.
- (b) Aduan yang paling kerap diterima melibatkan masa menunggu dan tempoh perjalanan yang panjang terutama di kawasan dengan permintaan tinggi. Sebagai langkah penambahbaikan, Rapid Penang telah melaksanakan perkara-perkara berikut:
- (i) Melaraskan semula zon liputan dari segi keluasan zon untuk mengoptimumkan pengagihan van berdasarkan corak permintaan semasa; dan
 - (ii) Menambah lokasi *pick-up-point* secara berperingkat berdasarkan maklumbalas pengguna.
- (c) Pada masa ini, pihak Rapid Penang tiada perancangan bagi penambahan van memandangkan purata penggunaan semasa masih tidak mencapai sasaran 120 penumpang harian bagi satu van berdasarkan sasaran prestasi operasi yang ditetapkan. Namun demikian Rapid Penang sedang menilai corak permintaan semasa di beberapa zon berimpak tinggi bagi menentukan keperluan pengukuhan kapasiti secara berfasa sekiranya *trend* penggunaan terus meningkat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

7. Adakah kadar kes penipuan (scam) di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan atau penurunan dalam beberapa tahun kebelakangan ini?
- (a) Apakah langkah pencegahan dan usaha pendidikan yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk membendung serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah penipuan ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Berikut merupakan statistik keseluruhan kadar kes penipuan (scam) di Pulau Pinang daripada tahun 2023 sehingga September 2025.

Tahun	2023		2024		2025	
	Kes	Kerugian	Kes	Kerugian	Kes	Kerugian
Timur Laut	912	RM21,298,039.69	720	RM21,344,391.57	757	RM26,763,967.84
Seberang Perai Utara	267	RM7,860,599.36	284	RM5,872,816.84	309	RM6,544,720.53
Seberang Perai Tengah	332	RM9,941,825.01	301	RM12,561,720.04	541	RM10,444,584.40
Seberang Perai Selatan	283	RM4,016,541.99	163	RM3,279,275.47	296	RM5,569,318.66
Barat Daya	367	RM13,644,429.97	328	RM10,087,259.24	427	RM8,743,787.81
Jumlah	2,161	RM56,761,436.02	1796	RM53,145,463.16	2330	RM58,066,379.24

Analisis Statistik Kes Penipuan Dalam Talian di Negeri Pulau Pinang (Tahun 2023–2025)

Jabatan Siasatan Jenayah Komersil merekodkan statistik kes dan kerugian penipuan dalam talian di negeri Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025. Analisis ini meliputi perubahan trend kes, jumlah kerugian, serta cadangan tindakan bagi memperkukuh usaha pencegahan.

(i) Statistik Kes Keseluruhan

Tahun	Jumlah Kes	Perubahan (+/-)	Peratus Perubahan
2023	2,161	-	-
2024	1,796	-365	-16.9%
2025	2,330	+534	+29.7%

Terdapat penurunan jumlah kes pada tahun 2024 sebanyak 16.9% berbanding tahun sebelumnya. Namun, pada tahun 2025 jumlah kes meningkat semula hampir 30%, menunjukkan peningkatan semula aktiviti jenayah penipuan dalam talian.

(ii) Statistik Kerugian (Nilai RM)

Tahun	Jumlah Kerugian (RM)	Perubahan (+/-)	Peratus Perubahan
2023	RM56,761,436.02	-	-
2024	RM53,145,463.16	-RM3,615,972.86	-6.4%
2025	RM58,066,379.24	+RM4,920,916.08	+9.3%

Walaupun jumlah kes menurun pada tahun 2024, nilai kerugian kekal tinggi. Tahun 2025 menunjukkan peningkatan semula dengan jumlah kerugian tertinggi dalam tempoh tiga tahun, mencecah RM58 juta.

(iii) Analisis Mengikut Daerah

1) Timur Laut:

Kekal sebagai penyumbang utama kes dan kerugian tertinggi setiap tahun. Walaupun kes menurun pada 2024, jumlah kerugian tidak menurun.

2) Seberang Perai Utara:

Kes meningkat setiap tahun tetapi kerugian agak tidak stabil.

- 3) Seberang Perai Tengah:
Lonjakan besar kes pada tahun 2025 (541 kes). Namun, nilai kerugian menurun sedikit.
 - 4) Seberang Perai Selatan:
Kes turun 2024 tetapi naik semula 2025 dengan peningkatan besar dalam nilai kerugian.
 - 5) Barat Daya:
Kes meningkat tetapi nilai kerugian menurun.
- (iv) Rumusan Keseluruhan (2023–2025)
- 1) Jumlah kes menurun pada 2024 tetapi meningkat semula pada 2025.
 - 2) Jumlah kerugian kekal tinggi walaupun bilangan kes turun.
 - 3) Daerah Timur Laut kekal sebagai kawasan paling kritikal.
 - 4) Trend menunjukkan peningkatan semula aktiviti scam dan jenayah siber pada tahun 2025.
 - 5) Penurunan 2024 menunjukkan tindakan pencegahan berkesan, namun perlu diperkukuh semula.
- (v) Cadangan Strategi JSJK Pulau Pinang
- 1) Fokus pencegahan di daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah.
 - 2) Perkukuh risikan jenayah siber dan pengesanan pemilik akaun 'mule'.
 - 3) Kempen kesedaran awam berterusan mengenai penipuan dalam talian.

- 4) Tingkatkan kerjasama dengan institusi kewangan bagi pemantauan transaksi mencurigakan.
- (a) Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah penipuan dalam talian dan jenayah siber, pelbagai langkah pencegahan serta usaha pendidikan telah dirancang dan dilaksanakan. Antaranya termasuk:
- (i) Kempen Kesedaran Awam melalui media massa, media sosial dan program komuniti bagi memberi penerangan mengenai modus operandi penipuan serta cara-cara melindungi diri daripada menjadi mangsa.
 - (ii) Program Pendidikan dan Taklimat di sekolah, institusi pengajian tinggi serta tempat awam bagi mendidik masyarakat mengenai kepentingan keselamatan siber.
 - (iii) Kerjasama Strategik bersama agensi kerajaan, syarikat telekomunikasi dan institusi kewangan untuk menyalurkan maklumat amaran serta memperkukuh sistem keselamatan data pengguna.
 - (iv) Pembangunan Portal Aduan dan Saluran Pelaporan Dalam Talian seperti National Scam Response Centre (NSRC) dan portal semakmule untuk memudahkan orang ramai membuat semakan dan laporan segera.
 - (v) Penyebaran Bahan Edukasi Digital seperti infografik, video kesedaran dan hebahan melalui platform rasmi polis bagi memperluas capaian maklumat.

Langkah-langkah ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan masyarakat lebih peka, berhati-hati serta tidak mudah terpedaya dengan pelbagai bentuk penipuan dalam talian yang semakin kompleks.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

8. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menangani isu pendatang asing yang berniaga atau membuka premis di Pulau Pinang?
- (a) Nyatakan statistik perniagaan bagi kes sewa lesen premis perniagaan kepada warga asing serta tindakan pembatalan lesen.
 - (b) Bagaimanakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyelesaikan isu warga asing kahwin rakyat tempatan, namun menjalankan perniagaan atas nama pasangan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mewujudkan garis panduan komprehensif yang menggabungkan syarat-syarat daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Berikut merupakan garis panduan yang diguna pakai mengikut PBT:
- (i) Garis Panduan Kawalan Aktiviti Perniagaan untuk Pengusaha Warga Asing MBPP Tahun 2017; dan
 - (ii) Garis Panduan Keterlibatan Pekerja / Pembantu di Pusat Penjaja MBSP, Premis Perniagaan dan Penjaja Tahun 2020.

Kedua-dua garis panduan ini bertujuan untuk mengawal penglibatan warga asing dalam sektor perniagaan serta memastikan hanya individu yang layak dan mematuhi undang-undang sahaja dibenarkan bekerja atau membantu dalam perniagaan. Selain itu, dasar yang telah ditetapkan dalam garis panduan tersebut turut dijadikan sebagai syarat-syarat pelesenan bagi premis perniagaan.

Pihak PBT komited dalam menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala bagi memastikan pematuhan terhadap syarat pelesenan khususnya berkaitan penggunaan pekerja atau pembantu warga asing. Kerajaan Negeri juga melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama pihak PBT, JIM dan agensi-agensi penguatkuasaan lain di kawasan *hotspot* dan berdasarkan lokasi aduan diterima. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran syarat pelesenan atau penyalahgunaan lesen perniagaan, tindakan seperti pengeluaran notis, kompaun dan pembatalan lesen akan diambil.

Pihak PBT sentiasa mengambil langkah proaktif untuk menyemak dan mengemas kini garis panduan sedia ada mengikut keperluan semasa bagi memastikan penguatkuasaan yang lebih efektif serta mengurangkan penglibatan pendatang asing dalam aktiviti perniagaan di Pulau Pinang.

- (a) Perincian statistik perniagaan bagi kes sewa lesen premis perniagaan kepada warga asing serta tindakan pembatalan lesen adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) PBT di Pulau Pinang mengambil beberapa langkah khusus bagi menangani isu warga asing yang berkahwin dengan rakyat tempatan dan menjalankan perniagaan atas nama pasangan masing-masing.

Pihak MBPP menetapkan melalui Prosedur Operasi Standard (SOP) bahawa setiap permohonan lesen perniagaan mestilah dikemukakan oleh warga tempatan dan tertakluk kepada pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Pihak MBPP juga sentiasa menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan lesen perniagaan

tidak dipajakkan kepada warga asing serta sentiasa memeriksa premis perniagaan untuk memastikan pekerja barisan hadapan seperti juruwang adalah warga tempatan sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat lesen. Langkah-langkah ini diambil bagi memastikan aktiviti perniagaan di Pulau Pinang kekal dikawal selia dengan baik dan tidak dieksploitasi oleh warga asing melalui perkahwinan dengan rakyat tempatan.

Bagi pihak MBSP pula, tindakan yang diambil ialah dengan melarang sepenuhnya penglibatan pekerja atau pembantu bukan warganegara termasuk pasangan warga asing dalam aktiviti kedai runcit. Bagi jenis perniagaan lain, pihak MBSP membenarkan pasangan bukan warganegara membantu atau mengendalikan perniagaan bagi pihak pasangan rakyat tempatan namun tertakluk kepada syarat pelesenan iaitu jumlah pekerja atau pembantu bukan warganegara (termasuk pasangan) tidak melebihi 70% daripada jumlah keseluruhan pekerja. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran terhadap syarat ini, MBSP akan mengambil tindakan penguatkuasaan tegas seperti pengeluaran notis, kompaun atau pembatalan lesen perniagaan.

LAMPIRAN A

**STATISTIK PERNIAGAAN BAGI KES SEWA LESEN PREMIS PERNIAGAAN
KEPADA WARGA ASING SERTA TINDAKAN PEMBATALAN LESEN**

TAHUN	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)		MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)	
	SEWA LESEN	PEMBATALAN LESEN	SEWA LESEN	PEMBATALAN LESEN
2020	93	-	35	-
2021	87	-	28	-
2022	88	-	58	7
2023	93	-	255	1
2024	115	-	923	3
2025 (SEHINGGA OKTOBER)	89	-	470	1
JUMLAH	565	-	1,769	12

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

9. Apakah usaha tambahan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah gelandangan yang kini dilihat semakin meningkat semula secara mendadak?
- (a) Apakah tindakan yang diambil khususnya bagi gelandangan yang mempunyai masalah mental dan sakit kronik?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) dalam mengatasi masalah gelandangan adalah seperti berikut:
- (i) **Operasi Bersepadu**
Kerajaan Negeri di bawah MMK Kebajikan mengambil inisiatif menjalankan operasi bersepadu bersama agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), dan lain-lain. bagi mengenal pasti serta membantu gelandangan yang memerlukan intervensi segera. Golongan yang dikenal pasti akan diberikan bantuan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat berteduh serta khidmat kaunseling bersama sokongan psikososial. Mereka juga akan ditempatkan di Pusat Transit Gelandangan atau institusi kebajikan di bawah seliaan JKJM bagi tujuan perlindungan sementara dan proses pemulihan sosial.

- (ii) **Program Padanan Kerja**
JKM melalui Pusat Transit Gelandangan turut melaksanakan Program Padanan Kerja bagi membantu gelandangan kembali berdikari agar mereka tidak kembali hidup di jalanan.
- (iii) **Kempen “Bijak Membantu Elak Tertipu” (BMET)**
JKM turut melaksanakan Kempen BMET bagi mendidik masyarakat agar menyalurkan bantuan kepada golongan memerlukan melalui saluran sah dan berdaftar. Kempen ini bertujuan mengelakkan kegiatan eksploitasi dan penipuan yang sering berlaku atas nama kebajikan serta memastikan bantuan disalurkan secara beretika, tersusun dan berkesan.
- (iv) **Libat Urus Antara Agensi: Penambahbaikan SOP Pengurusan Gelandangan**

Kerajaan Negeri sedang memperkemas SOP penyelamatan gelandangan melalui perbincangan meja bulat bersama JKM, AADK, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PDRM dan agensi berkaitan bagi menyelaraskan intervensi untuk gelandangan yang terjebak dadah dan berdepan isu kesihatan mental. Kerjasama strategik dengan ahli akademik (Universiti Sains Malaysia (USM) turut membantu merangka penyelesaian berasaskan kajian lapangan bagi memperbaiki pengurusan kes dan rujukan rawatan. Dengan penyelarasan antara agensi teknikal dan pendekatan bersepadu, usaha ini dijangka meningkatkan keberkesanan intervensi dan mengurangkan risiko gelandangan di sekitar Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, langkah-langkah ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan isu gelandangan ditangani bukan sahaja dari sudut kebajikan, tetapi juga melalui pemulihan sosial, pemerksaan ekonomi dan penyertaan komuniti.

- (a) JKM tiada punca kuasa dalam menangani gelandangan yang mempunyai masalah mental dan sakit kronik. Namun, Pegawai Intervensi Krisis (PIK) yang terdiri daripada pegawai Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan JKM diberikan kuasa yang sewajarnya untuk membawa individu atau gelandangan bermasalah mental ke Jabatan Kecemasan hospital kerajaan terdekat untuk tujuan pemeriksaan dan rawatan awal serta penilaian sama ada perlu dimasukkan dan ditahan di dalam hospital psikiatri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

10. Kebanyakan paip pembentungan IWK telah dipasang sejak berpuluh-puluh tahun khususnya di Bandar George Town, ada apa-apa rancangan dari Jabatan Perkhidmatan Pembedungan atau Indah Water Konsortium (IWK) untuk menggantikan paip yang uzur?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Loji Rawatan Kumbahan Serantau George Town (PEG227) yang berperanan penting dalam memproses aliran kumbahan dari kawasan George Town dan sekitarnya dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP).

Selepas loji tersebut siap dibina pada tahun 2007, Indah Water Konsortium (IWK) telah mengambil alih sebagai pengendali sistem pembedungan dari segi operasi dan penyelenggaraan. IWK telah mengambil langkah yang berterusan bagi memastikan aset-aset pembedungan uzur, termasuk paip yang telah dipasang sejak beberapa dekad lalu terus berfungsi dengan cekap dan selamat.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh IWK adalah seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan penilaian keadaan aset melalui pendekatan pengurusan risiko bagi mengenal pasti paip pembedungan yang telah uzur serta berisiko mengalami kegagalan struktur;
- (ii) Penyediaan pelan penggantian dan penaiktarafan paip pembedungan secara berperingkat berdasarkan tahap keutamaan teknikal, impak operasi serta kelulusan peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan; dan
- (iii) Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan, penaiktarafan dan pemulihan di kawasan kritikal yang dikenal pasti melalui pemeriksaan kamera litar tertutup (CCTV) dan laporan prestasi sistem pembedungan.

IWK sentiasa menjalinkan kerjasama secara berterusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan atau penggantian dapat dijalankan dengan teratur tanpa menjejaskan operasi sedia ada. Secara keseluruhannya, IWK komited untuk melaksanakan program penggantian dan penaiktarafan aset pembedungan secara berfasa, tertakluk kepada keutamaan teknikal serta sumber kewangan yang diluluskan bagi memastikan sistem pembedungan di George Town kekal berdaya tahan dan memenuhi piawaian kebangsaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

11. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menaik taraf Tech Dome Pulau Pinang bagi memupuk minat anak-anak muda serta menceburi dalam bidang-bidang berkaitan STEM pada masa depan?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Tech Dome Pulau Pinang (TDP) yang ditubuhkan pada tahun 2016 telah berjaya menarik 1.35 juta pengunjung dan memainkan peranan penting dalam memupuk minat STEM terutama kalangan anak-anak muda. Walau bagaimanapun, fasiliti sedia ada kini terhad dari segi ruang dan kapasiti untuk menampung permintaan tinggi serta perkembangan teknologi baharu.

TDP berhasrat untuk meningkatkan daya saing serantau dalam pendidikan STEM, mengambil kira kemajuan pusat sains di rantau ini seperti yang dirancang oleh Science Centre Singapore dan Futorium Thailand.

Pihak TDP kini dalam peringkat perancangan awal untuk membangunkan pusat sains baharu yang lebih luas, moden, dan berdaya saing. Perkara tersebut sedang dalam proses perbincangan oleh Ahli Lembaga Pengarah sebelum dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan sokongan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

12. Berapakah jumlah kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang?
- (a) Adakah kadar liputannya telah mencapai tahap yang memuaskan?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan fungsi tambahan kecerdasan buatan (AI) untuk analisis data pengurusan trafik semasa selaras dengan Pengurusan Bandar Pintar (Smart City)?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Sebanyak 1,525 unit kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan pecahan sebanyak 1,137 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan sebanyak 388 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
- (a) Kadar liputan sistem CCTV di kawasan pentadbiran MBPP berada pada tahap yang memuaskan, dengan pemasangan tertumpu di kawasan berpenduduk padat. Sementara itu, kadar liputan sistem CCTV di

kawasan pentadbiran Seberang Perai masih belum mencapai tahap memuaskan berikutan keluasan kawasannya yang jauh lebih besar. Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan tersebut iaitu MBPP dan MBSP sentiasa cakna dan proaktif dalam usaha untuk menambah bilangan CCTV di kawasan pentadbiran masing-masing bagi memperluas liputan serta meningkatkan keselamatan awam di seluruh Negeri Pulau Pinang.

- (a) Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sedang giat mengintegrasikan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence – AI) dalam sistem pemantauan trafik sebagai sebahagian daripada usaha untuk merealisasikan agenda Bandar Pintar Negeri Pulau Pinang.

Sebanyak 82 unit CCTV berteknologi AI telah dipasang di kawasan pentadbiran MBPP seperti George Town, Bayan Baru dan Batu Ferringgi dan kini sedang dalam proses ujian dan pentauliahan oleh pihak kontraktor. Manakala, sebanyak 30 unit CCTV telah dipasang di kawasan pentadbiran MBSP melalui projek rintis di sekitar Bandar Sunway, Seberang Jaya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

13. Nyatakan Skim RMM yang sedang dibangunkan dan telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang mengikut kategori A, B dan C.
- (a) Nyatakan bilangan yang telah ditawarkan sejak 2020 mengikut kategori A, B dan C.
 - (b) Nyatakan bilangan jumlah pemohon yang dalam senarai 'sedang menunggu' mengikut kategori A, B dan C.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Sehingga bulan Oktober 2025, sebanyak **34,965 unit Rumah MutiaraKu (RMKu)** yang sedang dalam **proses pembinaan**. Jumlah ini merangkumi keseluruhan pembangunan **70 buah projek pembangunan RMKu** di lima (5) daerah di Negeri Pulau Pinang yang telah mendapat **kelulusan Pelan Kebenaran Merancang** seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sentiasa komited dalam memastikan setiap keluarga di negeri ini berpeluang memiliki kediaman sendiri yang bersesuaian dengan kemampuan masing-masing selaras dengan slogan 'Satu Keluarga Satu Rumah'. Sehubungan dengan itu, sebanyak **22,973 tawaran** telah dikeluarkan sejak dari **tahun 2020 sehingga Oktober 2025** seperti di **LAMPIRAN B**.

- (b) Sehingga bulan Oktober 2025, jumlah senarai menunggu aktif (iaitu pemohon yang telah membuat pengemaskinian dalam tempoh tiga (3) tahun terkini) adalah sebanyak **6,604** permohonan seperti di **LAMPIRAN C**. LPNPP turut giat melaksanakan hebahan kepada orang ramai bagi menggalakkan pemohon agar sentiasa mengemas kini maklumat permohonan masing-masing supaya kekal aktif dan layak dipertimbangkan untuk penawaran.

SENARAI PROJEK RUMAH MUTIARAKU (RMKU) A, B & C PULAU PINANG
Senarai Projek RMKU A, B & C Yang Telah Mendapat Kelulusan Kebenaran Merancang Dan Dalam Peringkat Pembinaan

Daerah Timur Laut		Daerah		Projek		Pemaju		Lokasi		Jenis RMKU		Bil. Unit		Kadun	
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	Jenis RMKU	Bil. Unit
1	2017	DTL	Sandiland Foreshore			Tetuan PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 (Lot Baru 10039), Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	B	321	Pengkalan Kota	B	321	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri	321
2	2017	DTL	Sandiland Foreshore			Tetuan PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 & PT 354, Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	C	482	Pengkalan Kota	C	482	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri	482
3	2017	DTL	Jelutong (Grace Harmoni)			Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd. (Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13, 14, 15, 16 dan PT 98	B	310	Sungai Pinang	B	310	Sungai Pinang	Swasta	310
4	2017	DTL	Jelutong (Grace Harmoni)			Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd. (Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13, 14, 15, 16 dan PT 98	C	444	Sungai Pinang	C	444	Sungai Pinang	Swasta	444
5	2018	DTL	Cecil Residensi			Tetuan PDC Properties	Di atas tanah kerajaan Plot A bersebelahan Lot 311 (di antara Jalan Pintasan Cecil dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu), Seksyen 11E, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	348	Pengkalan Kota	B	348	Pengkalan Kota	Swasta	348
6	2018	DTL	Belum dikemukakan			Tetuan Aspen Vintage Sdn. Bhd.	Lot No. 30 Seksyen 4 Bandar Jelutong Lintang Hajah Rehmah	B	38	Sungai Pinang	B	38	Sungai Pinang	Swasta	38
7	2018	DTL	Pangapuri Warisan Indah			Tetuan UDA Holdings SB	Di Atas Lot PT204 (Lot Baru 3195), Jalan Tanjung Tokong Lama, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong	A	550	Tanjong Bungah	A	550	Tanjong Bungah	GLC	550
8	2019	DTL	Granito			Tetuan Taman Sri Bunga (BSG)	Di Atas Lot 4714-4723 dan 4759-4769, Sebahagian Lot Lot 4713 dan 4758, Lorong Sungai Kelian 10, Bandar Tanjung Bungah,	B	342	Tanjong Bungah	B	342	Tanjong Bungah	Swasta	342
9	2020	DTL	Ideal Residensi (2)			Tetuan Ideal Capital Venture Sdn. Bhd.	Plot B (Lot Lama 3362), Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir	C	1,554	Seri Delima	C	1,554	Seri Delima	Swasta	1,554
10	2021	DTL	Pinang Perdana			Tetuan Saluran Melodi Sdn Bhd	Lot 1266, Jalan Makloom, seksyen 9W, Bandar Georgetown	C	20	Dato Keramat	C	20	Dato Keramat	Swasta	20
11	2021	DTL	Belum dikemukakan			Tetuan Major Development (formerly Hooi Hwa)	Lot 809, 810 dan Plot A, Lorong Madrasah, seksyen 4 Bandar Jelutong	C	298	Batu Lanchang	C	298	Batu Lanchang	Swasta	298
12	2017	DTL	Belum dikemukakan			Tetuan Major Development (formerly Hooi Hwa)	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu, Daerah Timur Laut	C	646	Batu Uban	C	646	Batu Uban	Swasta	646
13	2024	DTL	118 Harmony			Tetuan Depstar Sdn. Bhd.	Di atas Lot 10225, Lebuhr Relau, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	C	118	Batu Uban	C	118	Batu Uban	Swasta	118
14	2024	DTL	Ideal Venice Residensi			Tetuan Ideal Capital Venture Sdn. Bhd.	Di atas Lot 3363 (Plot C), Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir,	C	1,632	Batu Uban	C	1,632	Batu Uban	Swasta	1,632
15	2022	DTL	Belum dikemukakan			Tetuan Sunnich Conquest SB (GEOVALLEY)	Lot 20409, Lot 20411, Lot 10290, 10292 dan sebahagian Lot 20344, Jalan Bukit Kukus, Mukim 13, Daerah Timur Laut	C	1,670	Paya Terubong	C	1,670	Paya Terubong	Swasta	1,670
									Jumlah DTL	8,773					

Daerah Barat Daya		Pemaju		Lokasi		Jenis RMKU		Bil. Unit		Kadun	
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	Bil. Unit	Kadun	
1	2017	DBD	Seri Bayu	Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	A	123	Pulau Betong	123	Pulau Betong	Swasta
2	2017	DBD	Seri Bayu	Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.	332, Mukim 3 Bukit Sg. Rusa & Sg. Pinang, Jalan Sungai Rusa, Daerah Barat Daya	B	123	Pulau Betong	123	Pulau Betong	Swasta
3	2018	DBD	Quinton	Tetuan Prisma Bumiraya SB	Lot 94 & 95, Petak A (sebahagian Lot 378 & 380), Jalan Sungai Pinang, Mk. E Balik Pulau	C	379	Pulau Betong	379	Pulau Betong	Swasta
4	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	Di atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar 1, DBD	B	129	Bayan Lepas	129	Bayan Lepas	Swasta
5	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	A	1,224	Pulau Betong	1,224	Pulau Betong	Swasta
6	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	B	360	Pulau Betong	360	Pulau Betong	Swasta
7	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Jernih Prospektif Sdn.Bhd.	Di Atas Lot 237,439,440 dan 441, Jalan Pulau Betong, Mukim J, DBD	C	320	Pulau Betong	320	Pulau Betong	Swasta
8	2019	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Definite Hamony Development Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 256, Jalan Teluk Kumbar, Mukim 11, Daearah Barat Daya	C	85	Bayan Lepas	85	Bayan Lepas	Swasta
9	2021	DBD	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	Tetuan Kobay SB sdn Bhd	Lot 451, Mukim 11, Lintang Teluk Kumbar 1, DBD	C	259	Bayan Lepas	259	Bayan Lepas	Swasta
10	2022	DBD	London Pavillion	Tetuan M SUMMIT Premium	Lot 362,21173,21174 & 20088, 20092, Mukim 11, Permatang Damar Laut	C	527	Bayan Lepas	527	Bayan Lepas	Swasta
11	2023	DBD	Belum dikemukakan	Tetuan Sunrich Conquest Sdn. Bhd.	Lot 30, Persiaran Relau, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	C	1,670	Bayan Lepas	1,670	Bayan Lepas	Swasta
12	2024	DBD	Maldives Residences	Tetuan Solaris Prestasi Sdn Bhd	Lot 71641 (sebahagian Lot Lama 15318), Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Sultan Azlan Shah, Mukim 12, DBD	C	1,665	Bayan Lepas	1,665	Bayan Lepas	Swasta
						Jumlah DBD	6,864		6,864		

Seberang Perai Utara		Projek		Lokasi		Jenis RMKU		Bil. Unit		Kadun	
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	Bil. Unit	Kadun	
1	2018	SPU	Taman Bayu Aman	Tetuan Welcome Development Sdn Bhd	Lot 6104 (Old Lot 1870) & 6106-6136 (Lot Lama 3354), Jln Teluk Air Tawar, Mk 7, SPU	A	160	Telok Air Tawar	160	Telok Air Tawar	Swasta
2	2018	SPU	Mak Mandin	Tetuan PDC	Lot 10214, Lorong Mak Mandin 5, Butterworth, SPU	A	187	Bagan Jermal	187	Bagan Jermal	Kerajaan Negeri

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun
3	2021	SPU	PPA1M Konifer	Tetuan Motif Era S/B	PPA1M Konifer Permatang Sintok, Mukim 5, SPU	C	112	Bertam
4	2018	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU	A	104	Permatang Berangan
5	2018	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Di Lot 361, 362, 363, 364, 365, 366, 367, 368 dan 1206 Mukim 13, Ara Kuda, SPU	C	312	Permatang Berangan
6	2022	SPU	Belum dikemukakan	Tetuan Stop Leaks & Cleanz Sd. Bhd.	Lot 10691, Lorong Ser Tawar 1, Mukim 7, Butterworth	C	96	Telok Air Tawar
7	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 5)	Tetuan Scientex (Skudai) Sdn Bhd	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12, Seberang Perai Utara	C	364	Tasek Gelugor
8	2024	SPU	Harbour View	Tetuan PJD Eastern Land Sdn. Bhd.	Di atas Lot 3675, Jalan Harbour Place Seksyen 4, Seberang Perai Utara	C	373	Bagan Dalam
9	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 4)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	291	Tasek Gelugor
10	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 3)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	282	Tasek Gelugor
11	2024	SPU	Scientex Sungai Dua(Fasa 7)	Tetuan Scientex (Skudai)	Di atas sebahagian Lot 249, Pokok Sena, Mukim 12	C	204	Tasek Gelugor
12	2018	SPU	Taman Ara Damai	Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur Di Atas Lot 1640, Mukim 13, Ara Kuda, SPU	A	468	Permatang Berangan
						Jumlah SPU	2,953	

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun
1	2017	SPT	Taman Machang Bubok Fasa III Blok A	Tetuan TF Land Sdn. Bhd.	Lot 707,1120,1209-1212 M.K.15 SPT	A	79	Machang Bubok
2	2018	SPT	The Loft	Tetuan Villa Acres SB	Lot-lot 17 dan 1798, Mukim 10, Jalan Betek	C	281	Padang Lalang
3	2017	SPT	Aston Park	Tetuan Ivory Square S/B	Bukit Mertajam, Sek.4, Bukit Mertajam, SPT	A	87	Berapit
4	2017	SPT	Taman Seri Puteri	Tetuan JKP Sdn Bhd	Guar Perahu, Kubang Semang	A	128	Penanti
5	2017	SPT	Seberang Jaya	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Seberang Jaya	A	90	Seberang Jaya
6	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Excell Focus Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 2163, Mukim 4, Jalan Permatang Pauh, SPT	C	410	Seberang Jaya
7	2018	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties SB	Di atas Lot 2140, Mukim 4	C	112	Seberang Jaya
8	2018	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	Di Atas Lot 200, 252, dan 3117, Mukim 4, Seberang Perai Tengah	A	150	Seberang Jaya
9	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	A	193	Machang Bubok

10	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 1)	A	30	Machang Bubok	Swasta
11	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 2)	B	118	Machang Bubok	Swasta
12	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 3)	C	98	Machang Bubok	Swasta
13	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 4)	A	29	Machang Bubok	Swasta
14	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 4)	B	90	Machang Bubok	Swasta
15	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 5)	A	63	Machang Bubok	Swasta
16	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 5)	B	82	Machang Bubok	Swasta
17	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 6)	A	24	Machang Bubok	Swasta
18	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 6)	B	59	Machang Bubok	Swasta
19	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di atas Lot 1800, 11959, 32909, 3586, Plot C & D Serta Plot A & B (Lot Asal 831) & PT142, Mukim 14, Seberang Perai Tengah (Fasa 7)	C	20	Machang Bubok	Swasta
20	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties Sdn Bhd	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Pematang Pauh,	C	112	Seberang Jaya	Swasta
21	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Golden Village Properties Sdn Bhd	Di atas Lot 2140, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Pematang Pauh,	B	198	Seberang Jaya	Swasta
22	2021	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Iconic Maison sdn Bhd	Lot 317794 (Lot lama 1370), Jalan Rozhan, Mukim 15, SPT	C	751	Machang Bubok	Swasta
23	2021	SPT	Pangapuri Rambai Mewah	Tetuan JSC Infrabina	DI ATAS LOT 2341-2378, 240-2407 DAN PETAK A	C	396	Machang Bubok	Swasta
24	2019	SPT	Belum dikemukakan	Tetuan Taraf Ria Sdn Bhd	Lot 32905(PT3054) Mukim 14, Jalan Bukit Minyak	C	160	Machang Bubok	Swasta
25	2022	SPT	Aston Minca Residence	Tetuan KH Venture Estate Sdn Bhd	Di atas lot 6, Seksyen 2 , Lebuah Aston , SPT	C	237	Permatang Pasir	Swasta
26	2023	SPT	Ari Altitude	Tetuan PTL Alpha Sdn Bhd	Lot 1726, Jalan Santuari 3, Mukim 14, SPT	C	500	Berapit	Swasta
						Jumlah SPT	4,497		

Seberang Perai Selatan									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2022	SPS	Belum dikemukakan	CMI/ ECO	PTZ195 (Lot lama 1534), Mukim 11, Ladang Kaledonia, Jalan Sungai Daun	A	272	Jawi	Kerajaan Negeri
2	2022	SPS	Belum dikemukakan	CMI/ Aspen	Penempatan Semula Ladang Byram Tanah Kerajaan PTZ194 (Lot lama 7578), Mukim 11, SPS, Pulau Pihang	A	68	Jawi	Kerajaan Negeri
3	2020	SPS	Belum dikemukakan	Tetuan Asas Dunia Berhad	Di Atas Lot 402,461,752,753,754,899, dan 900, Mukim 5, SPS	C	315	Sungai Bakap	Swasta
4	2018	SPS	Bandar Cassia Fasa 4	Tetuan PDC Properties	Bandar Cassia Fasa 4	B	3,223	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
5	2018	SPS	Bandar Cassia Fasa 4	Tetuan PDC Properties	Bandar Cassia Fasa 4	C	8,000	Batu Kawan	Kerajaan Negeri
						Jumlah SPS	11,878		
						JUMLAH	34,965		

Statistik Penawaran Bagi Tempoh Tahun 2020 Sehingga Bulan Oktober 2025

Daerah Pohon	01/2020 - 10/2025																													
	RMKu A						RMKu B1						RMKu C1						RMKu C2						RMKu C3					
	M	C	I	L	M	L	M	C	I	L	M	L	M	C	I	L	M	L	M	C	I	L	M	L						
SEBERANG PERAI TENGAH	1,051	425	269	4	21	8	7	0	0	18	6	1	0	0	138	156	27	1	1,292	851	226	10								
SEBERANG PERAI UTARA	1,025	545	354	11	175	163	67	4	1	1	5	0	1	336	108	35	3	1,879	707	263	7									
SEBERANG PERAI SELATAN	1,259	537	449	2	129	135	45	2	2	2	2	0	0	20	15	13	0	251	225	100	2									
DAERAH TIMUR LAUT	139	63	48	1	583	766	324	6	10	50	5	1	1	62	42	13	1	1,131	2,068	508	33									
DAERAH BARAT DAYA	1,210	155	65	7	48	94	29	7	4	4	0	0	0	74	16	11	1	1,074	705	211	16									
Jumlah	4,684	1,725	1,185	25	956	1,166	472	19	35	67	6	6	2	630	337	99	6	5,627	4,556	1,308	68									
	7,619						2,613						110						1,072						11,559					
	22,973																													

Senarai Menunggu Aktif Sehingga Bulan Oktober 2025

Daerah Pohon	10/2022 - 10/2025																													
	RMKu A						RMKu B1						RMKu C1						RMKu C2						RMKu C3					
	M	C	I	L	M	L	M	C	I	L	M	L	M	C	I	L	M	L	M	C	I	L	M	L	M	C	I	L		
TIADA PILIHAN DAERAH	230	51	72	4	102	31	41	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0				
SEBERANG PERAI TENGAH	173	104	64	2	85	42	25	0	78	32	13	1	9	38	13	0	6	49	11	1	6	49	11	1	1					
SEBERANG PERAI UTARA	179	42	26	0	122	67	33	1	45	17	8	0	32	10	6	1	213	68	60	2	2	1	213	68	60	2				
SEBERANG PERAI SELATAN	316	43	148	2	60	40	20	1	21	9	13	0	2	12	4	0	171	46	42	1	2	4	171	46	42	1				
DAERAH TIMUR LAUT	56	21	19	0	118	139	103	7	106	196	78	2	36	142	38	0	60	690	164	8	60	690	164	8	8					
DAERAH BARAT DAYA	464	34	26	0	185	69	25	1	59	34	4	0	31	42	1	0	135	275	72	3	135	275	72	3	3					
Jumlah	1,418	295	355	8	672	388	247	11	309	288	116	3	110	244	62	1	585	1,128	349	15	585	1,128	349	15	15					
	2,076						1,318						716						417						2,077					
	6,504																													

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

14. Adakah Kerajaan Negeri bersetuju menerima pakai Akta 672? Jika ia, apakah status terkini. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan Waste to Energy (WtE) untuk melupuskan sampah?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Buat masa ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melaksanakan kajian ketekunan wajar (*due diligence*) untuk meneliti implikasi teknikal dan perundangan berhubung cadangan pengambilalihan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Pulau Pinang. Keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada untuk menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [*Akta 672*] atau tidak adalah tertakluk kepada hasil kajian tersebut serta rundingan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kelak.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menggunakan teknologi *Waste to Energy* (WtE) bagi pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pihak KPKT menyasarkan pembinaan sebanyak **18 buah loji WtE** di seluruh negara menjelang tahun **2040** dan **Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB)** telah dikenal pasti sebagai lokasi cadangan pembangunan loji WtE bagi Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

15. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memperkukuh sektor pelancongan budaya dan kreatif bagi menyokong semangat keusahawanan orang tempatan serta menggalakkan dan menarik lebih ramai pihak untuk menyertai bidang ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memperkukuh sektor pelancongan budaya dan ekonomi kreatif sebagai salah satu teras pembangunan pelancongan negeri. Melalui kerjasama strategik antara Penang Global Tourism (PGT), Think City, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dan Galeri Seni Negeri Pulau Pinang, pelbagai inisiatif berasaskan komuniti dilaksanakan seperti lawatan berpandu (bersama pemandu pelancong), bengkel warisan, seni jalanan dan festival budaya bagi memastikan penglibatan langsung penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan sekaligus memberi manfaat ekonomi kepada mereka.

Selain itu, Pulau Pinang terus mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi acara seni dan budaya bertaraf antarabangsa dengan penganjuran acara seperti George Town Festival, George Town Literary Festival, Penang Fashion Week, Penang International Food Festival, Butterworth Fringe Festival dan Nibong Tebal Festival. Acara-acara ini berfungsi sebagai

platform penting untuk penggiat seni, usahawan dan komuniti tempatan mempromosikan hasil karya dan produk mereka.

Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada usaha meningkatkan kesedaran destinasi melalui strategi pemasaran yang lebih efektif, termasuk kerjasama dengan media dan mempengaruhi untuk mempromosikan keunikan seni, budaya dan warisan Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Usaha menyeluruh ini diyakini dapat terus mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah hab budaya dan seni serantau yang berdaya saing serta mampan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

16. Senaraikan langkah-langkah dan perancangan jangka pendek atau panjang yang diambil Kerajaan Negeri untuk membanteras kegiatan mat rempit dan lumba haram di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan statistik operasi polis sejak tahun 2020.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak PDRM Pulau Pinang khususnya Jabatan Siasatan Penguatkuasan Trafik (JSPT) dalam membanteras kegiatan Mat Rempit seperti menjalankan operasi secara berkala, mengenal pasti lokasi dan masa kegiatan Mat Rempit berlangsung serta melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR). Selain itu juga pihak PDRM telah bekerjasama dengan pihak sekolah melalui Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dan juga menjalankan Op Didik di sekolah- sekolah yang dikenalpasti golongan pelajar berpotensi melakukan kesalahan jalan raya.
- (a) Statistik operasi polis sejak tahun 2020 adalah seperti berikut:
- (i) Statistik Operasi Tahun 2020
- 1) Jumlah Operasi : 68;
 - 2) Jumlah Saman : 1,717 saman;

- 3) Jumlah Kendaraan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 297 Kendaraan; dan
 - 4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 147 Tangkapan.
- (ii) Statistik Operasi Tahun 2021
- 1) Jumlah Operasi : 125;
 - 2) Jumlah Saman : 2,972 saman;
 - 3) Jumlah Kendaraan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 521 Kendaraan; dan
 - 4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 115 Tangkapan.
- (iii) Statistik Operasi Tahun 2022
- 1) Jumlah Operasi : 159;
 - 2) Jumlah Saman : 5,603 saman;
 - 3) Jumlah Kendaraan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 1,079 Kendaraan; dan
 - 4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 108 Tangkapan.
- (iv) Statistik Operasi Tahun 2023
- 1) Jumlah Operasi : 433;
 - 2) Jumlah Saman : 11,186 saman;
 - 3) Jumlah Kendaraan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 2,384 Kendaraan; dan
 - 4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 129 Tangkapan.

- (v) Statistik Operasi Tahun 2024
- 1) Jumlah Operasi : 365;
 - 2) Jumlah Saman : 10694 saman;
 - 3) Jumlah Kendaraan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 2061 Kendaraan; dan
 - 4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 :131 Tangkapan.
- (vi) Statistik Operasi Tahun 2025 Sehingga September 2025
- 1) Jumlah Operasi : 319;
 - 2) Jumlah Saman : 9,606 saman;
 - 3) Jumlah Kendaraan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 1, 777 Kendaraan; dan
 - 4) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 113 Tangkapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(VI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

17. Pulau Pinang merupakan bandar pesisir, namun sehingga kini industri pelancongan eco kita seperti pelayaran, *tour* di atas laut dan *cruise* memancing, masih belum dibangunkan berbanding dengan bandar pesisiran yang lain. Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh menggalakkan dan memupuk industri tersebut supaya menjadi tarikan baru negeri kita?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Global Tourism (PGT) telah merangka langkah proaktif bagi memperkukuh promosi industri pelancongan berasaskan laut dan ekopelancongan, termasuk aktiviti pelayaran santai dan lawatan atas laut. Promosi ini akan dipertingkatkan melalui platform digital dan media sosial rasmi PGT bagi menonjolkan keunikan aktiviti maritim Pulau Pinang kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Dalam masa yang sama, agen pelancongan turut digalakkan memasukkan aktiviti berasaskan laut ini dalam pakej pelancongan mereka, bagi membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada komuniti setempat dan pengusaha tempatan.

Bagi Seberang Perai, walaupun Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) belum mempunyai perancangan khusus berkaitan pelayaran atau lawatan di atas laut, beberapa program berbentuk ekopelancongan telah dilaksanakan. Antaranya ialah penganjuran *World Wetlands Day 2024* dengan kerjasama *Shorebirds Peninsular Malaysia Project (SPMP)* dan Canon Marketing (Malaysia) Sdn. Bhd., yang menampilkan aktiviti *boat*

tour menyusuri Sungai Tembus bagi meninjau habitat burung hijrah di pesisir Teluk Air Tawar–Kuala Muda. Siri kedua program ini dijadualkan berlangsung pada November 2025 bagi meneruskan inisiatif pemeliharaan dan promosi pelancongan alam sekitar di kawasan tersebut.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyokong produk pelancongan berasaskan inisiatif swasta, seperti pelancaran Penang River Cruise oleh Auto-City Group dengan kerjasama MBSP, Think City Sdn. Bhd., dan PGT. Pelayaran sepanjang 15 kilometer di Sungai Juru ini menawarkan pengalaman menyusuri perkampungan nelayan tradisional, ladang akuakultur, hutan paya bakau dan panorama semula jadi, sekaligus menjadi tarikan baharu pelancongan eko di Seberang Perai.

Bagi memastikan pembangunan sektor ini berjalan secara mampan dan selamat, semua aktiviti yang dipromosikan adalah berlesen, sah di sisi undang-undang serta mematuhi piawaian keselamatan pelancongan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh keyakinan pelancong terhadap keselamatan dan kualiti pengalaman mereka, malah turut membina imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan maritim yang bertanggungjawab, selamat dan lestari.